

23/10/1998

Mahathir berucap di sidang CPU

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir akan menyampaikan ucap terna sempena perasmian Persidangan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) di Kuala Lumpur selama tiga hari mulai 26 Oktober ini.

Pelbagai topik dijangka akan dibincangkan dalam persidangan itu meliputi keupayaan wartawan menangani tugas, pembangunan terkini teknologi dan pengurusan sumber manusia dalam bidang media.

Selain itu, persidangan CPU kedua itu turut membincangkan aspek pemberitaan dan kewartawanan antara negara membangun dan sedang membangun dalam negara Komanwel.

Pengarah Eksekutif CPU, Mark Robinson, berkata tokoh lain yang turut menyampaikan ucap terna sempena persidangan CPU termasuk Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku.

Robinson dalam sidang akhbar mengenai persidangan itu, di sini hari ini berkata, Forum Pengarang Kanan Komanwel kedua yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) selama tiga hari mulai Rabu lalu adalah pembuka tirai kepada persidangan CPU yang akan diadakan di Kuala Lumpur, minggu depan.

Menurutnya, beberapa tokoh media dan politik terkemuka Komanwel turut mengambil bahagian dan membentangkan kertas kerja termasuk Pengarang South China Morning Post, Jonathan Fenby yang akan membentangkan kertas kerja 'Hong Kong Selepas Penyerahan Kepada China'.

Menteri Luar New Zealand, Don McKinnon akan membentangkan kertas kerja 'Kebebasan Akhbar dan Hak Asasi Manusia dalam Komanwel'; Bekas Wakil Tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika Perang Teluk, Sir David Hannay (Resolusi Konflik: Perhubungan Antara Perunding dan Akhbar).

Menurutnya, Pengerusi CPU Malaysia Datuk A Kadir Jasin yang juga Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times (NSTP) akan turut menyampaikan ucapan pembukaan masing-masing pada hari pertama persidangan.

Tokoh korporat Malaysia yang turut membentangkan kertas kerja mereka iaitu, Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli (Globalisasi: Prespektif Ahli Perniagaan Dari Negara Membangun) dan Pengerusi Just World Malaysia, Dr Chandra Muzaffar (Keberkesanan Lobi untuk Kebebasan Akhbar).

Robinson berkata, sempena persidangan itu, suatu anugerah Astor 1998 akan diadakan pada majlis makan malam pada 27 Oktober ini yang akan disampaikan oleh Pengarah Kebebasan Unit Ekspresi Unesco, Alain Modoux.

Anugerah itu disampaikan kepada wartawan dan pengamal media yang menunjukkan komitmen tinggi dalam bidang kewartawanan dan sebagai menghargai jasa wartawan terbabit.

(END)